

*Kita cepat berasa simpati, terlebih kesian, mudah sangat cair perasaan*

# BENARKAH WANITA KITA MUDAH DIGODA?

Ini kisah benar. Tiada angin, tiada ribut juga tiada gempa bumi, satu pagi saya tiba-tiba didatangi oleh Lavia Shafee menerusi e-mel. Dia seorang wanita rakyat Malaysia yang kini menetap di UK.

Apa yang segera menarik perhatian saya mengenainya ialah suaminya – warga British – telah tiga tahun meninggalkan dunia. Hmmm, janda mat salih! Lebih menarik lagi, arwah suaminya meninggalkan wang tunai dalam akaun bank berjumlah 12 juta pound sterling.

Tambahnya seperti yang dinyatakan dalam e-mel, dia hendak pulang ke Malaysia dan memindahkan peninggalan suaminya itu ke sebuah bank di KL. Tetapi, dia tidak boleh membuka akaun bank di negara ini. Oleh sebab itu dia mahu menggunakan akaun bank saya untuk memasukkan semua duit arwah suaminya.

Dan, yang paling-paling menarik lagi ‘melirikan’ ialah atas kerjasama menggunakan akaun bank saya itu, saya akan diberi ganjaran 2 juta pound sterling. Katanya di akhir e-mel: “Silalah nyatakan nama penuh anda, alamat terkini, dan nombor akaun bank.”

Fuhhh, saya akan jadi jutawan segera! Bukan jutawan RM atau jutawan Rupiah tetapi jutawan pound sterling, mata wang England. Jika semuanya beres saya akan mendapat 2 juta duit orang putih. Kalau pada kadar 5.0 pun, saya sudah kaya RM10 juta.

Kadar tukaran ketika tawaran Lavia itu diterima ialah 6.3. Ertinya saya ada lebih RM12 juta, dan sekali gus layak –isteri tidak boleh melarangi – sekiranya saya hendak membuka cawangan di mana-mana. Malah dengan habuan terpijak itu saya boleh terus mencukupkan kouta

yang masih kosong, aduhh!

Tetapi, saya tidak mudah tergoda dengan janda orang putih itu. Saya masih berfikir waras. Saya tidak terlebih ghairah dan tidak terus memberi nombor akaun bank dan lain-lain butiran peribadi menerusi e-mel janda berkenaan.

Sebaliknya saya tenang dan merenung jauh dalam diri. Mula-mula saya bertanya diri sendiri, siapakah wanita yang sekian lama menetap di negara saji, dan tiba-tiba kini hendak balik semula ke negeri berjerebu?

Seingat saya, sudah menjangkau siri 6 sekarang, saya tidak mempunyai saudara atau waris yang tinggal di England. Tidak masuk akal langsung jika Lavia ada hubungan keluarga dengan saya, bau-bau bacang pun mustahil. Saya pasti betul janda ini bukan anak arwah pakcik saya yang bernama Shafie!

Apa yang lebih menghairankan saya ialah bagaimana janda kaya ini boleh mengenali dan memilih saya untuk berkongsi harta pusaka peninggalan suaminya? Bukan sedikit tetapi berjuta-juta pound sterling.

Lagi pun saya bukanlah Barack Obama atau Benjamin Netanyahu, Jokowi pun tidak. Orang Malaysia pun tidak kenal saya, macam mana seorang janda di UK boleh terpijak dengan saya? Macam cerita dongeng.

Soalan-soalan ini meyakinkan saya bahawa Lavia dan 12 juta pound sterling adalah auta semata-mata. Lagi pun dulu, kini dan selamanya saya selalu

percaya tidak ada orang, termasuk yang paling sewel dan gila babi, boleh dengan mudah memberi saya wang sebanyak itu. Saya bersyukur sebab sentiasa diberi kewarasan, tidak mudah tergoda.

Sebenarnya, bukan saya seorang yang menerima tawaran menerusi e-mel. Setiap hari beribu – mungkin berjuta – orang menerima berbagai-bagai tawaran dan godaan menerusi e-mel dan lain-lain media sosial. ♪

Nasib baik saya tidak mudah termakan pujuk. Tetapi sesetengah orang, lebih-lebih lagi wanita, cepat tergoda dan mudah sangat percaya. Mereka bukan sahaja mudah digula-gulakan dengan harta benda, malah boleh menyerah hanya dengan kata-kata dan pujuk rayu di alam maya. Ramai yang cair gara-gara cinta dalam media sosial.

Seperi yang dilaporkan baru-baru ini, semakin ramai gadis dan wanita kita termakan pujuk rayu di internet, dan akhirnya menjadi mangsa sekian banyak sindiket penipuan di atas talian atau online.

Timbalan Pengarah Risiko Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisiner Roslan Abd Wahid mendedahkan bahawa wanita Malaysia terus terpijak dengan jerat cinta lelaki Afrika dalam apa yang dikenali sebagai Love Scam.

Akhbar melaporkan saban hari ada sahaja wanita dan gadis kita menjadi mangsa sindiket ini, terkuda

